

Soalan Lazim (FAQ) : Salaam Market

Q1. Apa itu Salaam Market?

A1. Salaam Market ialah Pasaran B2B Halal pertama di Malaysia yang membolehkan para pembeli mendapat bahan-bahan Halal yang diperakui JAKIM daripada pelbagai penjual secara digital dengan lancar, pada harga yang telus dan kompetitif.

Q2. Adakah Salaam Market dimiliki oleh Maybank Islamic?

A2. Tidak, Salaam Market dimiliki oleh Borong. Namun begitu, inisiatif ini merupakan satu kerjasama strategik antara Maybank Islamic dan Borong sebagai rakan e-dagang strategik.

Q3. Apakah peranan Maybank Islamic dalam Salaam Market?

A3. Peranan Maybank Islamic dalam Salaam Market adalah untuk menghubungkan para pembeli dan penjual di platform tersebut kepada tawaran pembiayaan Maybank Islamic, penyelesaian Bimbingan Halal, serta pembukaan akaun SME First Account-i, yang lancar dan mudah.

Q4. Apakah ciri-ciri Salaam Market?

A4. Salaam Market menyediakan:-

- (a) Pembiayaan modal kerja melalui Maybank Islamic
- (b) Pensijilan Halal yang disahkan oleh pihak berkuasa Halal untuk setiap produk yang dijual (pensijilan Halal boleh dimuat turun jika diperlukan)
- (c) Kemampuan pembelian secara borong
- (d) Penjejakan transaksi jual-beli secara langsung dengan lancar
- (e) Kemampuan untuk meningkatkan pemasaran
- (f) Akses pasaran ke luar negara

Q5. Apakah masalah atau kesukaran yang boleh diselesaikan melalui Salaam Market?

- A5.**
- (a) Memperoleh barangan Halal dengan lancar, secara digital
 - (b) Pengesahan status Halal bagi setiap produk
 - (c) Harga kompetitif untuk bahan atau produk Halal bagi pembeli
 - (d) Pembeli dan penjual boleh mendapat Bimbingan Halal melalui Maybank Islamic, tanpa sebarang kos
 - (e) Menyediakan pembiayaan modal kerja
 - (f) Memberi akses kepada pasaran tempatan dan antarabangsa
 - (g) Membina kepercayaan antara pembeli dan penjual
 - (h) Memberi pendedahan dan keterlihatan dalam pasaran yang sesak

Q6. Siapakah pelanggan sasaran Salaam Market?

A6. Perusahaan Kecil, Sederhana dan Besar adalah fokus utama Salaam Market.

Q7. Adakah Salaam Market mengenakan sebarang yuran dan caj?

A7. Ya, terdapat caj minimum sehingga 3.00% yang dikenakan kepada penjual, berdasarkan setiap pesanan, dan dibayar kepada Borong.

Q8. Apakah syarat utama untuk mendaftar sebagai penjual dan pembeli di Salaam Market?**A8. (i) Penjual**

- Mesti mempunyai Akaun Semasa Maybank Islamic. Penukaran daripada Akaun Semasa konvensional kepada Akaun Semasa patuh Syariah boleh dilakukan dengan lancar melalui kebolehalihan akaun CASA (EVO), tanpa perlu menukar nombor akaun
- Produk yang disenaraikan mestilah mempunyai sijil pengesahan Halal
- Mendaftar sebagai penjual di www.salaammarketmy.com

(ii) Pembeli

- Mendaftar sebagai pembeli di www.salaammarketmy.com

Q9. Bila Salaam Market mula berada di pasaran?

A9. Mulai 1 Ogos, 2024.

Q10. Adakah pelanggan yang berada di luar Malaysia layak untuk mendaftar sebagai penjual dan pembeli di Salaam Market?

A10. Ya sejak November 2025. Inisiatif ini juga terbuka kepada pembeli (merujuk kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dan beroperasi di Singapura)

Q11. Di manakah pelanggan boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Salaam Market?

A11. Sila kunjungi mana-mana cawangan Maybank dan/atau Maybank Islamic di seluruh negara atau hubungi Pusat Panggilan kami di:-

- 1-300-88-6688 (tempatan) / 603-78443696 (luar negara) atau e-mel di mgcc@maybank.com.my
- Anda juga boleh menghantar pertanyaan kepada Pasukan Halal Maybank Islamic di halal@maybank.com atau menghubungi 03-22958888 (sambungan 3741 / 8902).